A

Pendakwa Raya lwn Siti Noor Aishah bt Atam

B MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45SO-7–5 TAHUN 2016
MOHAMAD SHARIFF PK
29 SEPTEMBER 2016

C *Undang-Undang Jenayah — Kesalahan — Memiliki material yang berkaitan dengan kumpulan pengganas atau perlakuan perbuatan pengganas — Tertuduh dituduh di bawah s 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan atas kesalahan memiliki buku-buku berunsur keganasan yang berkaitan dengan kumpulan pengganas — Sama ada buku-buku mempunyai unsur-unsur atau kaitan dengan*
D *kumpulan pengganas — Sama ada buku-buku dimiliki oleh tertuduh — Sama ada terdapat bukti bahawa tempat kejadian adalah seperti yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Kanun Keseksaan s 130JB(1)(a)*

E Tertuduh telah dituduh di bawah s 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan ('Kanun') atas kesalahan memiliki 12 buah buku yang berunsur perbuatan keganasan dan berkaitan dengan kumpulan pengganas iaitu Kumpulan Pengganas Jemaah Islamiah ('JI'), Islamic State ('IS') dan Al-Qaeda ('AQ'). Dalam membuktikan kesalahan tersebut, pihak pendakwaan memanggil beberapa orang saksi
F antaranya, pegawai tangkap ('SP1'), pendapat usuluddin ('SP2'), ibu tertuduh ('SP5'), pegawai penyiasat ('SP6') dan dua orang pakar kajian keganasan iaitu SP9 dan SP10. Berdasarkan fakta, pihak polis telah membuat serbuan di rumah beralamat Lot 1241, Jalan Lapangan Terbang Sura, Dungun, Terengganu (alamat seperti yang terdapat dalam kertas pertuduhan) dan
G mendapati bahawa tertuduh sedang tidur di dalam sebuah bilik yang tidak mempunyai pintu dan hanya ditutupi dengan sehelai langsir. Pihak polis kemudian telah merampas 12 buku tersebut yang berada di dalam bilik berkenaan dan seterusnya merujuk buku-buku tersebut kepada SP2, SP9 dan SP10. Ketiga-tiga saksi tersebut berpandangan bahawa buku-buku berkenaan
H menunjukkan unsur-unsur *khawarij* atau keganasan yang berkait rapat dengan JI, IS dan AQ. Isu-isu yang perlu ditentukan oleh mahkamah di peringkat kes pendakwaan adalah: (a) sama ada kesemua 12 buku tersebut mempunyai unsur-unsur atau kaitan dengan kumpulan pengganas; (b) sama ada buku-buku tersebut dimiliki oleh tertuduh; dan (c) sama ada terdapat bukti
I bahawa tempat kejadian adalah seperti yang dinyatakan di dalam kertas pertuduhan.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh dengan kadar serta merta:

(1) Keterangan SP2 tidak banyak membantu mahkamah bagi mengetahui perkaitan buku-buku tersebut dengan mana-mana kumpulan pengganas memandangkan SP2 tidak merujuk kepada buku-buku tersebut semasa membacakan laporannya. Mahkamah juga menolak keterangan SP9 mengenai kandungan yang terdapat dalam buku-buku tersebut memandangkan terdapat keraguan berkenaan dengan kandungan 'data base' yang dirujuk oleh SP9 yang gagal dijelaskan oleh pihak pendakwaan. Namun, berdasarkan petikan-petikan yang ditunjukkan oleh SP10 yang disahkan oleh laporan analisa, mahkamah berpuas hati bahawa buku-buku tersebut sememangnya mempunyai kaitan dengan kumpulan-kumpulan pengganas, AQ, IS, JI dan Daesh (lihat perenggan 23, 25 & 27).

(2) SP10 mengesahkan bahawa kesemua 12 buku tersebut masih tidak lagi diharamkan penerbitannya. Kegagalan pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengharamkan buku-buku tersebut tidak sealiran dan tidak konsisten dengan menjadikan pemilikan buku-buku tersebut suatu kesalahan menurut s 130JB(1)(a) Kanun (lihat perenggan 39).

(3) Tiada apa-apa dokumen mahupun keterangan oleh mana-mana saksi pendakwaan yang menjurus kepada kejadian tersebut berlaku seperti di alamat seperti yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan. Justeru, mahkamah berada dalam kekaburan sama ada kejadian tersebut berlaku di alamat seperti dalam kertas pertuduhan. Kegagalan pihak pendakwaan untuk mengakaskan isu tersebut semestinya telah melebarkan keraguan yang timbul dalam kes pendakwaan (lihat perenggan 49).

(4) Berdasarkan keterangan SP1 dan SP5, rumah tersebut termasuk bilik di mana 12 buku tersebut dijumpai merupakan tempat yang bebas dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja yang berada di dalam rumah tersebut. Oleh itu, menjadi kewajipan pihak pendakwaan untuk membuktikan bahawa buku-buku tersebut kepunyaan tertuduh atau pun orang lain atau pun mengecualikan orang lain yang mempunyai akses kepada buku-buku tersebut, namun persoalan-persoalan tersebut gagal dijawab oleh pihak pendakwaan. Kes pendakwaan telah dipatahkan dengan sendirinya melalui keterangan SP5 yang jelas menafikan penglibatan tertuduh dalam memiliki buku-buku tersebut. Akibat daripada kelonggaran-kelonggaran dalam membuktikan pertuduhan dan percanggahan-percanggahan yang wujud di antara keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan, pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh (lihat perenggan 37–38, 42, 44, 50 & 54).

[English summary

The accused was charged under s 130JB(1)(a) of the Penal Code ('the Code') for the offence of having in her possession 12 books containing elements of

terrorism and associated with terrorist groups, namely Jemaah Islamiah ('JI'), Islamic State ('IS') and al-Qaeda ('AQ'). In establishing the offence, the prosecution called several witnesses, including the arrest officer ('SP1'), opinions on usuluddin ('SP2'), the accused's mother ('SP5'), the investigating officer ('SP6') and two experts on studies of violence namely SP9 and SP10. The facts showed that the police conducted a raid at a house bearing the address Lot 1241, Jalan Lapangan Terbang Sura, Dungun, Terengganu (the address stated in the charge sheet) and found the accused sleeping in a room with no doors and only veiled with a sheet curtain. The police then seized the 12 books in the room and subsequently referred the same to SP2, SP9 and SP10. The three witnesses were of the view that the books showed elements of *khawarij* or violence associated with JI, IS and AQ. The issues for the court's determination during the prosecution's case were: (a) whether the 12 books contained elements or were associated with a terrorist group; (b) whether the accused owned the books; and (c) whether there was evidence that the crime scene was as stated in the charge sheet.

Held, acquitting and discharging the accused with immediate effect:

(1) SP2's evidence did little to help the court determine the connection of these books to any terrorist group since SP2 did not refer to the books while reading the report. The court also rejected SP9's evidence on the contents of these books as there were doubts on the contents of the 'data base' referred by SP9 which was not described by the prosecution. However, based on the quotes shown by SP10 which were confirmed by the analysis report, the court was satisfied that these books were indeed linked to terrorist groups, AQ, IS, JI and Daesh (see paras 23, 25 & 27).

(2) SP10 confirmed that all 12 books were not banned yet. The failure of the Ministry to ban the books were not in concert and were inconsistent with the decision to make the possession of the books an offence under s 130JB(1)(a) of the Code (see para 39).

(3) No documents nor testimonies by any witness led to the incident taking place at the address stated in the charge sheet. Therefore, the court was left in the dark as to whether the incident took place at the address stated in the charge sheet. The prosecution's failure to reverse the further caused ambiguity in their case (see para 49).

(4) Based on the testimonies by SP1 and SP5, the house, including the room where the 12 books were found, was a free place and accessible to anyone in the said house. Therefore, it was the prosecution's duty to prove that the books belonged to the accused or any other person or excluding others who have access to the books. However, these questions were not dealt with by the prosecution. The prosecution's case was rebutted by itself through SP5's evidence who clearly denied the involvement of the accused in the books. Following the loopholes in proving the charge and

the discrepancies in the testimonies of the prosecution's witnesses, the prosecution failed to establish a prima facie case against the accused (see paras 37–38, 42, 44, 50 & 54).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kesalahan secara am, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1845–1964.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi bin Yusoff v PP [1993] 3 MLJ 1, MA (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2004] 2 MLRA 547; [2005] 1 CLJ 85; [2005] 1 AMR 321, MP (dirujuk)
Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237; [1956] 1 MLRH 44 (dirujuk)
Choo Chang Teik & Anor v PP [1991] 3 MLJ 423; [1991] 1 MLRA 280; [1991] 1 CLJ 54, MA (dirujuk)
Fun Seong Cheng v PP [1997] 3 SLR 523, MR (dirujuk)
Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137; [1993] 1 MLRA 227; [1993] 3 CLJ 1; [1993] 2 AMR 1135, MA (dirujuk)
Kobra Taba Seidali v PP [2014] 2 MLJ 554; [2014] 2 CLJ 12, MR (dirujuk)
Krishnan Murthy v Pendakwa Raya [1987] 1 MLJ 292; [1986] 1 MLRA 239; [1987] CLJ Rep 145, MA (dirujuk)
Lee Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 322; [1992] 1 MLRA 209; [1992] 1 CLJ 168, MA (dirujuk)
Leow Nghee Lim v Reg [1956] 1 MLJ 28; [1955] 1 MLRH 614 (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 1 MLJ 65; [2000] 2 MLRA 383; [2003] 1 CLJ 734; [2000] 2 AMR 89, MR (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 MLRA 283, PC (dirujuk)
Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137; [1991] 1 MLRA 608; [1992] 1 CLJ 265, MA (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Ummi Kalsom bt Bahak [2016] 6 MLJ 407; [2015] 7 CLJ 503, MT (dirujuk)
PP v Badrulsham bin Baharom [1988] 2 MLJ 585; [1987] 2 MLRH 541, MT (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705; [2000] 1 MLRH 764; [2000] 4 CLJ 649, MT (dirujuk)
PP v Hairul Din bin Zainal Abidin [2001] 6 MLJ 146; [2001] 2 MLRH 710; [2001] 6 CLJ 480; [2002] AMR 2515, MT (dirujuk)
PP v Mohamed Noor bin Jantan [1979] 2 MLJ 289; [1979] 1 MLRA 375, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590; [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 AMR 203, MP (dirujuk)
PP v Muhammad Nasir bin Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576; [1992] 2 MLRH 390; [1992] 3 CLJ 408, MT (dirujuk)
PP v Ong Cheng Heong [1998] 6 MLJ 678 ; [1998] 2 MLRH 345; [1998] 4 CLJ 209, MR (dirujuk)

PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 MLRH 1 MRLH 91 (dirujuk)
PP v Tan Tatt Eek & other appeals [2005] 2 MLJ 685; [2005] 1 MLRA 58, MP (dirujuk)
Saad Ibrahim v PP [1968] 1 MLJ 158; [1967] 1 MLRH 198 (dirujuk)
Saludin bin Surif v PP [1997] 3 MLJ 317; [1997] 1 MLRA 348; [1997] 3 CLJ 529; [1997] 3 AMR 2867, MR (dirujuk)
Tai Chai Keh v PP [1948-1949] supp MLJ 105b; [1948] 1 MLRA 241, MR (dirujuk)
Toh Ah Loh and Mak Thim v Rex [1949] 15 MLJ 54; [1948] 1 MLRH 143 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 37
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ss 17, 18, 18A
Akta Keterangan s 114(g)
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ss 66B, 66D
Kanun Keseksaan ss 130B, 130JB(1)(a)
Kanun Prosedur Jenayah ss 173(f), 180
Misuse of Drugs Act 1973 [SG]

Mohamad Mustaffa bin P Kunyalam (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Kamaruzzaman bin Abdul Wahab (Zukri bin Jusoh bersamanya) (Aziz & Co) bagi pihak tertuduh.

Mohamad Shariff PK:

LATAR BELAKANG

[1] Ini merupakan satu perbicaraan kes yang melibatkan orang kena tuduh ('OKT') menurut s 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum dibawah peruntukan yang sama. OKT menghadapi pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 22 Mac 2016 jam lebih kurang 12.25 tengahari di sebuah rumah dialamat Lot 1241, Jalan Lapangan Terbang Sura, dalam Daerah Dungun, dalam Negeri Terengganu, telah memiliki 12 buah buku yang merupakan item yang berunsur perbuatan keganasan dan berkaitan dengan Kumpulan Pengganas iaitu Kumpulan Pengganas Jemaah Islamiah (JI), Islamic State (IS) dan Al-Qaeda (AQ) sepertimana di Lampiran A dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum dibawah peruntukan yang sama.

Lampiran A

No	Tajuk	Penulis	Penterjemah	Penerbit	Kumpulan Penganas
1	Visi Politik Gerakan Jihad	Hazim Al-Madani Abu Mush'ab As-Suri	Luqman Hakim	Jazera	JI dan AQ
2	Generasi kedua Al-Qaidah: Apa dan siapa Zarqawi Apa Rencana Mereka ke Depan	Fuad Hussein	Ahmad Syakrikin	Jazera	JI, AQ dan IS
3	Akankan Sejarah Terulang	Dr. Muhammad Al-Abdah	Abas Mansur Tamam	Jazera	JI dan AQ
4	Deklarasi Daulah Islam Irak	Dewan Syariah Daulah Islam Iraq	Abu Hafsh As-Sayyar Abu Musa Ath-Thayyar	Islamika	JI, AQ dan IS
5	Meretas Jalan Jihad Fie Sabilillah	Syaikh Abdul Qadir Abdul Aziz	Hassan As-Sayyari	Pustaka Al Alaq	JI dan AQ
6	Misteri Pasukan Panji Hitam	Muhammad Abu Fatihah Al-Adani	H. Muhammad Harun Zein	Jasmin Publications	Ji dan AQ
7	Turki Negara Dua Wajah	Abdullah Azzam	Abdurrahman	Al Alaq	JI dan AQ
8	Masterplan 2020: Strategi Al Qaidah Menjebak Amerika	Fahmi Suwaidi	–	Jazera	JI dan AQ
9	Dari Usamah kepada Para Aktivitis	Syaikh Usamah Bin Ladin Syaikh Yusuf Al_Uyairi	Umar Burhanuddin Abu Hafs As Sayyar Syahida Man	Kafayeh	JI dan AQ
10	Dari Rahim Ikhwanul Muslimin ke Pangkuan Al Qaida	Ayman Az Zawahiri	Umar Burhanuddin	Kafayeh	JI dan AQ

11	Ketika Maslahat di pertuhankan dan menjadi Thaghut Model Baru	Abu Muhammad Ashim Al Maqdisiy	Abu Sulaiman Aman Abdurrahman	–	IS
12	Seri Materi Tauhid for the greatest happiness	–	Abu Sulaiman Aman Andurrahman	–	IS

Hukuman

'Jika sabit kesalahan kamu hendaklah diseksa dengan penjara untuk tempoh tidak melebehi 7 tahun atau denda dan boleh dilucuthak mana-mana item tersebut'.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[2] Dalam perbicaraan kes ini pihak pendakwaan telah memanggil seramai sepuluh orang saksi bagi membuktikan pertuduhan terhadap OKT. Saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Insp Shafinah bt Abdul Halim — pegawai tangkap ('SP1');

(b) Dr Wan Adli bin Wan Ramli — pendapat usuluddin ('SP2');

(c) ASP Nazlee bin Bahari — penerima maklumat pertama ('SP3');

(d) L/D/Kpl 172495 Mohd Nabil bin Syed Sabri — jurufoto ('SP4');

(e) Pn Sadiah bt Ibrahim — ibu OKT ('SP5');

(f) G/22399 Insp Oi Tiat Siong — pegawai penyiasat ('SP6');

(g) Pn Farahana bt Wan Hamid — Unit Pendaftaran, Jabatan Pengajian Siswazah, Universiti Malaya ('SP7');

(h) Pn Zainab bt Abdullah — Unit Sumber Manusia, Universiti Malaya ('SP8');

(i) Prof Dr Rohan Gunaratna — Pakar Kajian Keganasan ('SP9'); dan

(j) Ustaz Hj Zamihan bin Hj Mat Zin — Pakar Kajian Keganasan ('SP10').

[3] Sebelum pihak pendakwaan menutup kesnya, timbalan pendakwa raya telah menawarkan empat orang saksi-saksi berikut kepada pihak pembelaan tetapi hanya seorang saksi diperlukan oleh pihak peguam iaitu Atam bin Jusoh. Tiga orang saksi-saksi tersebut telah dilepaskan atas perintah mahkamah. Saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Insp Noraidah bt Huzir Ibrahim (G/20298) — Bahagian E8 (Counter Terrorism), Cawangan Khas, Bukit Aman;

(b) DL/Kpl Amir Azimi bin Abdullah — Bahagian E8 (Counter Terrorism), Cawangan Khas, Bukit Aman;

(c) Supt Mohd Rabi bin Abu Bakar — Pegawai Turus E8(B), Bahagian E8 (Counter Terrorism), Cawangan Khas, Bukit Aman; dan

(d) Atam bin Jusoh (No KP 560214-11-5061) – Lot 1241, Jalan Lapangan Terbang, Sura, Dungun, Terenganu.

[4] Keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) pada 22 Mac 2016, Insp Shafinah SP1 dan sepasukan pegawai dari Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas, Bukit Aman yang terdiri daripada Insp Noraidah bt Huzir, L/Kpl Amir Hazimi dan L/Kpl Syed Mohd Nabil ('jurugambar') telah pergi kerumah OKT yang beralamat di Lot 1241, Jalan Lapangan Terbang, Sura, Dungun, Terengganu;

(b) SP1 dan pasukannya telah tiba ke rumah tersebut dalam jam lebih kurang 12.25 tengahari dan mendapati pintu rumah tertutup;

(c) setelah pintu dibuka, SP1 mendapati terdapat seorang perempuan Melayu didalam rumah yang kemudiannya disahkan merupakan ibu OKT bernama Saadiah bt Ibrahim (SP5);

(d) setelah masuk kedalam rumah tersebut, SP1 telah bertanyakan dimana OKT berada dan beliau dimaklumkan oleh SP5 bahawa OKT berada didalam biliknya;

(e) di dalam rumah tempat kejadian cuma terdapat satu bilik sahaja iaitu bilik yang diduduki oleh OKT sepertimana dalam gambar (P6)(18–49);

(f) SP1 menjelaskan bahawa bilik tersebut tidak mempunyai pintu dan cuma ditutup dengan langsir sahaja;

(g) setelah masuk kedalam bilik tersebut, SP1 telah menemui OKT yang sedang terbaring diatas katil dalam bilik berkenaan seperti gambar-gambar (P16) (gambar 18, 19, 20, 21, 22 dan 23);

(h) SP1 telah mengejutkan OKT dan kemudian telah memperkenalkan dirinya sebagai polis;

(i) SP1 kemudiannya telah membuat pemeriksaan di dalam bilik tempat OKT ditahan dan mendapati terdapat banyak barang-barang yang dikatakan milik OKT termasuk buku-buku sepertimana dalam gambar-gambar (P6)(18–49);

(j) SP1 telah menjelaskan kedudukan setiap buku-buku yang dirampas dalam bilik tersebut dengan merujuk kepada penandaan nombor yang dibuat dalam gambar-gambar (P6)(23–49). Kesemua gambar-gambar tersebut menunjukkan keadaan asal buku-buku yang dirampas dari dalam bilik yang didiami oleh OKT;

(k) SP1 telah menjelaskan kedudukan setiap buku yang dirampas dalam bilik tersebut dengan merujuk kepada penandaan nombor yang dibuat dalam gambar-gambar (P6)(23–49). Kesemua gambar-gambar tersebut menunjukkan keadaan asal buku-buku yang dirampas dari dalam bilik yang didiami oleh OKT;

(l) barang-barang kes yang dirampas yang dinyatakan dalam Borang Senarai Gelidah (P5) adalah seperti berikut:

Bil	Ekshibit Yang Di Rampas	Tandaan	No Ex
1.	1 telefon bimbit warna hitam jenama ARUS Zenfone 5 (No Siri: F1AZFG271562) IMEI1: 357996064654708 IMEI2: 357996064654716 BERSAMA 1 SIMKAD CELCOM XPAX PREPAID 8960191501161207671MICRO SD SANDISK 16GB	1	P9
2.	1 LapTop Jenama ACER ASPIRE 4740 Series SN LXPMKO200400754F551601 (Warna Biru)	2	P10
3.	1 naskah buku bertajuk: 'MERETAS JALAN JIHAD FIE SABILILLAH'	3	P11
4.	(a) 1 naskah buku bertajuk 'SERI MATERI TAUHID for the greatest happiness'	4(a)	P12
	(b) 1 naskah buku bertajuk 'MEMBONGKAR KEKHAFIRAN NEGARA SAUDI'	4(b)	P13
	(c) 1 naskah buku bertajuk 'DEMOKRASI ADALAH AGAMA'	4(c)	P14
	(d) 1 naskah buku bertajuk 'KETIKA MASLAHAT DAKWAH DI PERTUHANKAN DAN MENJADI TAGHUT MODEL BARU'	4(d)	P15

	(e) 1 naskah buku bertajuk 'TARBIYAH JIHADDIAH 1'	4(e)	P16
	(f) 1 naskah buku bertajuk 'JIHAD FISABILILLAH DAN TERRORISME:	4(f)	P17
5.	(a) 1 naskah buku bertajuk'FIKIH PERGERAKAN (AKU WARISKAN UNTUK KALIAN)'	5(a)	P18
	(b) 1 naskah buku bertajuk 'DARI USAMAH KEPADA PARA AKTIVIS'	5(b)	P19
	(c) 1 naskah buku bertajuk 'GENERASI KEDUA AL-QAIDAH (APA DAN SIAPA ZARQAWI, APA RENCANA MEREKA KE DEPAN)	5(c)	P20
	(d) 1 naskah buku bertajuk 'MASTERPLAN 2020: STRATEGI AL-QAIDAH MENJEBAK AMERIKA'	5(d)	P21
	(e) 1 naskah buku bertajuk 'TENTERA SALIB SUDAH KEMBALI, AKANKAH SEJARAH TERULANG'	5(e)	P22
	(f) 1 naskah buku bertajuk 'TURKI NEGARA DUA WAJAH'	5(f)	P23
	(g)1 naskah buku bertajuk 'DEKLARASI DAULAH ISLAM IRAK'	5(g)	P24
	(h)1naskah buku bertajuk 'DARI RAHIM IKHWANUL MUSLIMIN KE PANGKUA AL-QAIDA'	5(h)	P25
	(i) naskah buku bertajuk 'MISTERI PASUKAN PANJI HITAM'	5(i)	P26
	(j)1 naskah buku bertajuk 'VISI POLITIK GERAKAN JIHAD'	5(j)	P27
6.	1 broadband jenama CELCOM bersama 1 simkad DIGI S/N: 1614041100261008 64K	6	P28
7.	1 dompet warna cokelat jenama POLO:	7	P29
	(a) Kad Pengenalan SITI NOOR AISHAH bt ATAM	7(a)	P29A

	(b) Kad Bank BSN (DebitVisa) 4773950017281919	7(b)	P29B
	(c) Kad Bank Islam 6033 4610 0173 1225	7(c)	P29C
	(d) Kad Bank CIMB (Merah)	7(d)	P29D
	(e) 1 lesen memandu atas nama SITI NOOR AIAHAH bt ATAM	7(e)	P29E
	1 bekas berwarna cokelat	8	P30
8.	(a) 1 harddisk jenama Western Digital My Passport (warna biru) S/N WX31E12F0345	8(a)	P30A
9.	(a) 1 naskhah buku bertajuk 'MARILAH BERKENALAN DENGAN AHL-AL-SUNNAH WAL-JAMAAH	9(a)	P31
	(b) 1 salinan buku bertajuk 'DARI USAMAH KEPADA PARA AKTIVIS'	P9(b)	P32
	(c) 1 salinan buku bertajuk 'MERETAS JALAN JIHAD FIE SABILILLAH'	P9(c)	P33
	(d) 1 salinan buku bertajuk 'DARI RAHIM IKHWANUL MUSLIMIN KE PANGKUAN AL-QAIDA'	P9(d)	P34
	(e) 1 salinan naskah buku bertajuk 'RAMBU-RAMBU DALAM PERJUANGAN'	P9(e)	P35
	(f) 1 salinan naskah buku bertajuk 'KARAMAH MUJAHIDIN DARI MASA KE MASA'	P9(f)	P
	(g) 1 salinan naskah buku bertajuk 'TENTERA SALIB SUDAH KEMBALI, AKANKAH SEJARAN TERULANG'	P9(g)	P37
	(h) 1 salinan naskah buku bertajuk 'VISI POLITIK GERAKAN JIHAD'	P9(h)	P38
	(i) 1 buku nota warna Ungu (diari)	P9(i)	P39

(m) kesemua ekshibit-ekshibit di atas telah dirampas dan dibawa ke Bukit Aman untuk siasatan lanjut. Kedua-dua saksi ini SP1 dan pegawai penyiasat (SP6) telah menandatangani borang akuan serah terima barang kes (P40) dan menandatangani barang-barang kes di atas:

(i) (P27) — VISI POLITIK GERAKAN JIHAD;

(ii) (P20) — GENERASI KEDUA AL-QAIDAH (APA DAN SIAPA ZARQAWI, APA RENCANA MEREKA KE DEPAN);

(iii) (P37) — TENTERA SALIB SUDAH KEMBALI, AKANKAH SEJARAH TERULANG;

(iv) (P24) — DEKLARASI DAULAH ISLAM IRAK;

(v) (P11) — MERETAS JALAN JIHAD FIE SABILILLAH;

(vi) (P18) — FIKH PERGERAKAN (AKU WARISKAN UNTUK KALIAN);

(vii) (P26) — MISTERI PASUKAN PANJI HITAM;

(viii) (P23) — TURKI NEGARA DUA WAJAH;

(ix) (P21) — MASTER PLAN 2020: STRATEGI AL-QAIDAH MENJEBAK AMERIKA;

(x) (P32) — DARI USAMAH KEPADA PARA AKTIVIS;

(xi) (P25) — DARI RAHIM IKHWANUL MUSLIMIN KE PANGKUAN AL-QAIDA;

(xii) (P15) — KETIKA MASLAHAT DAKWAH DIPERTUHANKAN DAN MENJADI TAGHUT MODEL BARU;

(xiii) (P12) — SERI MATERI TAUHID;

(n) pegawai penyiasat (SP6) kemudiannya telah merujuk 12 buah buku-buku di atas kepada tiga orang saksi pakar (SP2), (SP9) dan (SP10) untuk mengkaji dan memberikan pandangan mengenai buku-buku tersebut. Saksi-saksi tersebut telah mengeluarkan pandangan masing-masing yang bertanda (P42)(P45A)(P52(1)–(12)). Hasil pandangan ketiga-tiga pakar ini menyatakan bahawa buku-buku tersebut menunjukkan unsur-unsur *khawarij* atau keganasan yang berkait rapat dengan Kumpulan Pengganas Islamic State, Al-Qaeda dan Jemaah Islamiyah.

RANTAIAN KENDALIAN BARANG-BARANG KES SEHINGGA PENGEMUKAAN KE MAHKAMAH

[5] Dalam menimbangkan isu ini, mahkamah ini perlulah meneliti segala keterangan-keterangan saksi dan dokumen yang dikemukakan di mahkamah. Insp Shafinah bt Abdul Halim SP1, pegawai yang mengetuai serbuan pada hari kejadian (22 Mac 2016) menegaskan pada setiap masa barang kes berada dengannya. Apabila sampai di Bukit Aman, saksi (SP1) telah menyerahkan OKT dan semua barang-barang kes di atas serta mengeluarkan mengeluarkan borang bongkaran (P40) dan membuat laporan polis,

Dungun/001693/16(P8). Saksi SP1 ini juga telah membuat tanda pengenalan keatas setiap barang kes yang dirampasnya dengan menurunkan tandatangan dan tarikh keatas setiap barang kes tersebut. Barang-barang kes dan OKT kemudiannya telah diserahkan oleh SP1 kepada pegawai penyiasat, Insp Oi Tiat Siong (SP6) dan kemudiannya borang serah menyerah barang kes (P40) dibuat di antara kedua-dua pegawai polis ini;

[6] Pada 1 April 2016 jam lebih kurang 8 malam, pegawai penyiasat, Insp Oi Tiat Siong (SP6) telah merujuk 13 buah buku-buku seperti di atas kepada Prof Dr Rohan Gunaratna (SP9) dan saksi (SP9) mengesahkan telah mengambil 43 gambar-gambar foto ekshibit-ekshibit buku-buku tersebut untuk tujuan kajian dan semakan sebelum pulang ke Nanyang Technological University, Singapura untuk kajian lanjutan melalui rekod *database* yang terdapat di Universiti tersebut.

[7] Selanjutnya pada 23 Ogos 2016 jam lebih kurang 4 petang, di bilik pejabat kakitangan, Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, (SP6) telah menyerahkan 12 buah buku-buku di atas kepada saksi Wan Adli bin Wan Ramli (SP2) bagi mendapatkan pendapat dan pandangan Usuluddin. Kedua-dua saksi ini telah menandatangani borang serah terima barang kes (P41). Pada 31 Ogos 2016 jam lebih kurang 12 tengahari, (SP2) telah mengembalikan semula buku-buku tersebut dengan menandatangani dokumen serah terima semula barang kes (P43).

[8] Pada 2 September 2016 jam lebih kurang 5.30 petang, di ASWAJA Learning Centre, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, (SP6) telah menyerahkan 12 buah buku-buku di atas kepada saksi Ustaz Zamihan bin Hj Mat Zin (SP10) bagi mendapatkan pendapat dan pandangan Kajian Keganasan. Kedua-dua saksi ini telah menandatangani borang serah terima barang kes (P46). Pada 4 September 2016 jam lebih kurang 6 petang, (SP10) telah mengembalikan semula buku-buku tersebut dengan menandatangani dokumen serah terima semula barang kes (P47).

[9] Ketiga-tiga saksi yang menerima buku-buku tersebut dan membuat kajian masing-masing, mengesahkan ekshibit-ekshibit tersebut di mahkamah dengan meneliti segala tanda-tanda yang terdapat pada ekshibit-ekshibit tersebut serta setiap muka surat. Setelah pemeriksaan dibuat keatas semua buku-buku tersebut didapati berada dalam keadaan yang baik.

[10] Mahkamah ini telah meneliti setiap buku-buku tersebut dan mendapati masih dalam keadaan yang baik dan sempurna. Ianya juga adalah konsisten dalam menunjukkan tanda-tanda tersebut boleh dilihat dengan jelas dan tanda-tanda yang terdapat pada semua barang kes tersebut.

[11] Setelah meneliti segala keterangan-keterangan saksi-saksi (SP2), (SP6), (SP9) dan (SP10), *mahkamah ini berpuas hati bahawa tiada wujud sebarang keraguan ke atas identiti 12 buah buku-buku yang terlibat sebagai buku-buku yang sama yang dirampas oleh SP1 dan dianalisa oleh mereka dan dikemukakan di mahkamah. Tiada terdapat di mana-mana peringkat rantaian keterangan berkaitan dengan pengendalian dan jagaan selamat buku-buku tersebut pernah terputus.* Tiada juga terdapat tanda-tanda barang-barang kes tersebut dikacau ganggu oleh mana-mana pihak.

BEBAN PEMBUKTIAN OLEH PIHAK PENDAKWAAN

[12] Di akhir kes pendakwaan, adalah menjadi tugas dan beban statutori kepada pihak pendakwaan untuk membuktikan suatu kes prima facie menurut s 180 Kanun Prosedur Jenayah dengan membuktikan kesemua elemen-elemen perundangan sebelum OKT dipanggil untuk menjawab sebarang pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Suatu kes prima facie dinyatakan dan diulangkan dengan tegas dalam kes: *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2004] 2 MLRA 547; [2005] 1 CLJ 85; [2005] 1 AMR 321, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan:

> A prima facie case is therefore one that is succicient for the accused to called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase 'prima facie case' is defined in similar terms in *Mozley and Whiteley's Law Dictionary* 11th Ed as:
>
> > A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. a prima facie case, then is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebuting evidence adduced by the other side ... *In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements ot the offence have been established.* As the trial is without a jury it is only with such a positive evaluation can the court make a determination for the purpose of s 180(2) and (3). Of course in a jury trial where the evaluation is hypothetical the question to be asked would be whether on the evidence as it stands the accused could (and not must) lawfully be convicted. That is so because a determination on facts is matter of ultimate decision by the jury at the end of the trial. Since the court, in ruling that a prima facie case has been made out, must be satisfied that if it is not rebutted is must prevail.
>
> *Thus if the accused elects to remain silent be must be convicted.* The test at the close of the case for the *prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out.* This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the presecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case. As the accused can be convicted on the

A prima facie evidence it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt.

However it must be observed that it cannot, at that stage, be properly described as a case that has been proved beyond reasonable doubt. Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to B prove its case beyond reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code.

C

Dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 1 MLJ 65 di ms 81; [2000] 2 MLRA 383; [2003] 1 CLJ 734 di ms 752; [2000] 2 AMR 89 (E-F) (MR), Mahkamah Rayuan menyatakan:

D It therefore follows that there in only once exercise that a judge sitting alone under s 180 of the Code has to undertake at the close of prosecution case. He, must subject the prosecution evidence to the *maximum evaluation* and to ask himself the question, if decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained E in the prosecution case? If the answer is in negative then no prima facie case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal ...

Dalam kes *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678 di ms 69; F [1998] 2 MLRH 345; [1998] 4 CLJ 209, Mahkamah Rayuan juga menerangkan 'approach' yang perlu diambil menurut ss 173(f) dan 180 Kanun Prosedur Jenayah diakhir kes pendakwaan. Begitu juga dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590; [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 AMR 203 yang mana Mahkamah G Persekutuan juga menerima pakai ujian-ujian yang disyaratkan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Looi Kow Chai* di atas.

[13] Secara ringkasnya, kes di atas menyatakan dapatan seperti berikut:

H (i) the close of Prosecution's case, subject to the evidence led by the Prosecution in its totality to a *maximum evaluation*. Carefully scrutinize the credibility of each of the Prosecution's witnesses. Take into account *all reasonable inferences* that may be drawn from that evidence. If the evidence admits two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

I (ii) ask yourself the question, IF I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent *am I prepared to convict him on the evidence now before me*? If the answer to that question is 'YES' the defence should be called. If the answer is 'NO' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) After the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) After defence is called, the accused elect to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 MLRH 400.

ISU-ISU UTAMA BAGI PEMBUKTIAN KES

[14] Bagi menilai persoalan ini, mahkamah dalam membuat penilaian secara maksima, seharusnya terikat dan perlu menimbangkan fakta-fakta berikut iaitu seperti berikut:

(a) – Apakah Kumpulan Pengganas (terrorist group)?
– Siapakah Kumpulan Pengganas tersebut??
– Bagaimana pula Unsur-unsur Pengganas??

(b) Adakah kesemua 12 buah buku-buku tersebut mempunyai unsure-unsur atau kaitan dengan Kumpulan Pengganas (terrorist group)?

(c) Pemilikan buku-buku??
Siapa memiliki buku-buku tersebut?
Adakah buku-buku tersebut kepunyaan OKT?

(d) Tempat kejadian ... tiada bukti atau dokumen bahawa tempat kejadian itu adalah seperti di dalam kertas pertuduhan.

Isu pertama

Apakah Kumpulan Pengganas (terrorist group)?

Siapakah Kumpulan Pengganas tersebut?

Bagaimana pula Unsur-unsur Pengganas?

[15] Persoalan yang perlu difikirkan oleh mahkamah ini adalah apakah itu kumpulan pengganas?? Siapakah sebenarnya kumpulan pengganas?? Apakah sebenarnya Unsur-unsur kumpulan pengganas?? Dalam meneliti isu ini, mahkamah ini mendapati bahawa tafsiran kumpulan pengganas ini ada dinyatakan dalam s 130B Kanun Keseksaan seperti berikut:

'terrorist' means any person who —

(a) commits, or attempts to commit, any terrorist act; or

(b) participates in or facilitates the commission of any

(c) terrorist act,

and includes a specified entity under section 66B or section 66C of the Anti-Money Laundering Act 2001;

'terrorist entity' means any entity owned or controlled by any terrorist or terrorist group and includes an association of such entities;

'terrorist group' means —

(a) an entity that has as one of its activities and purposes the committing of, or the facilitation of the commission of, a terrorist act; or

(b) a specified entity under section 66B or section 66C of the Anti-Money Laundering Act 2001;

'terrorist property' means —

(a) proceeds from the commission of a terrorist act;

(b) property that has been, is being, or is likely to be used to commit a terrorist act;

(c) property that has been, is being, or is likely to be used by a terrorist, terrorist entity or terrorist group;

(d) property owned or controlled by or on behalf of a terrorist, terrorist entity or terrorist group, including funds derived or generated from such property; or

(e) property that has been collected for the purpose of providing support to a terrorist, terrorist entity or terrorist group or funding a terrorist act.

(2) For the purposes of this Chapter, 'terrorist act' means an act or threat of action within or beyond Malaysia where —

(a) the act or threat falls within subsection (3) and does not fall within subsection (4);

(b) the act is done or the threat is made with the intention of advancing a politicial, religious or ideological cause; and

(c) the act or threat is intended or may reasonably be regarded as being intended to —

(i) intimidate the public or a section of the public; or

(ii) influence or compel the Government of Malaysia or the Government of any state in Malaysia, any other government, or any international organization to do or refrain from doing any act.

(3) An act or threat of action falls within this subsection if it —

(a) involves serious bodily injury to a person;

(b) endangers a person's life;

(c) causes a person's death;

(d) creates a serious risk to the health or the safety of the public or a section of the public;

(e) involves serious damage to property;

(f) involves the use of firearms, explosives or other lethal devices;

(g) involves releasing into the environment or any part of the environment or distributing or exposing the public or a section of the public to —

(i) any dangerous, hazardous, radioactive or harm-ful substance;

(ii) any toxic chemical; or

(iii) any microbial or other biological agent or toxin;

(h) is designed or intended to disrupt or seriously interfere with, any computer systems or the provision of any services directly related to communications infrastructure, banking or financial services, utilities, transportation or other essential infrastructure;

(i) is designed or intended to discrupt, or seriously interfere with, the provision of essential emergency services such as police, civil defence or medical services;

(j) involves prejudice to national security or public safety;

(k) involves any combination of any the acts specified in paragraph (a) to (j) and includes any act or omission constituting an offence under the Aviation Offences Act 1984.

(4) An act or threat of action falls within this subsection if it —

(a) is advocacy, protest, dissent or industrial action;

(b) is not intended —

(i) to cause serious bodily injury to a person;

(ii) to endanger the life of a person;

(iii) to cause a person's death; or

(iv) to create a serious risk to the health or safety of the public or a section of the public.

(c) For the purpose of subsection (2) —

(d) a reference to any person or property is a reference to any person or property wherever situated, within or outside Malaysia; and

(e) a reference to the public includes a reference to the public of a country or territory other than Malaysia.

[16] Manakala dalam ss 66B dan 66D Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('AMLA') mentakrifkan seperti berikut:

Section 66B Declaration of specified entities

(1) where the Minister of Home Affairs is satisfied on information given to him by a police officer that —

(a) an entity has knowingly committed, attempted to commit, patcipated in committing or facilitated the commission of, a terrorist act; or

(b) an entity is knowingly acting on behalf of, at the direction of, or in association with, an entity referred to in paragraph (a),

the Minister of Home Affairs may, by order published in the Gazette, declare the entity to be a specified entity.

Section 66D Minister's power to obtain information

(1) The Minister of Home Affairs may, by order published in the Gazette, require any person or class of persons to determine within the period specified in the order whether they are in possession or control of terrorist property or property owned or controlled by or on behalf of any specified entity

(2) An order made under subsection (1) may require any person or class of persons specified in it to report to the relevant regulatory or supervisory authority and within such regular periods as may be specified in the order —

(a) whether they are in possession or control of any property referred to in subsection (1); and

(b) if they are in possession of any property referred to in subsection (1) —

(i) the number of persons, contracts or account involved;

(ii) the total value of the property involved;

(iii) the manner by which the property came to be in their possession; and

(iv) such other particulars as may be specified in the order.

(3) The relevant regulatory or supervisory authority shall immediately report to the Minister of Home Affairs if any person or class of persons under their regulation or supervision is found to be in possession or control of terrorists property or property owned or controlled by or on behalf of any specified entity.

(4) No criminal, civil or disciplinary proceedings shall be brought against a person for making a report in good faith under subsection (2).

(5) Any person who contravenes any order made under this section commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding three million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

(6) The provisions of this section shall have effect notwithstanding any obligation as to secrecy or other restriction on the disclosure of information imposed by any written law or otherwise.

[17] Dalam perbicaraan yang dijalankan, timbalan pendakwa raya telah mengemukakan dua ekshibit bagi mengesahkan bahawa kumpulan-kumpulan pengganas Islamic State, Al-Qaeda dan Jemaah Islamiyah telah diwartakan sebagai Kumpulan Pengganas menurut ss 66A dan 66D of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorrism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act Act 2001 (AMLA) (Akta 613). Ekshibit-ekshibit tersebut adalah Warta Kerajaan Persekutuan PU(A) 93 bertarikh 7 April 2014 (P53) dan Warta Kerajaan Persekutuan PU(A) 301 bertarikh 12 November 2014 (P51). Dalam isu ini juga berdasarkan kepada kes *Pendakwa Raya lwn Ummi Kalsom bt Bahak* [2016] 6 MLJ 407; [2015] 7 CLJ 503, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur setelah merujuk kepada *warta* di atas dalam menentukan kewujudan kumpulan pengganas menyatakan:

> ... walaupun pengwartaan hanya dibuat pada 12 November 2014, namun Mahkamah ini mengambil 'judicial notice' bahawa kumpulan IS telah mula wujud selepas kejatuhan Saddam Hussein di Iraq dalam tahun 2003 dan bertambah besar dan berpengaruh selepas tentera Amerika Syarikat keluar dari Negara Iraq dalam tahun 2011. Malahan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu turut menetapkan usul bahawa Kumpulan IS adalah sebuah kumpulan pengganas, dan ini berlaku jauh lebih awal daripada tarikh OKT ditangkap pada 12 November 2014, Justeru itu Mahkamah ini membuat keputusan bahawa Kumpulan IS adalah satu kumpulan-kumpulan pengganas bagi maksud Akta 613 dan terjumlah kepada tafsiran kumpulan pengganas, pengganas, entiti pengganas dan harta benda pengganas di bawah seksyen 130B Kanun Keseksaan ...

Isu kedua

Adakah kesemua 12 buah buku-buku tersebut mempunyai unsur-unsur atau kaitan dengan Kumpulan Pengganas (terrorist group)?

[18] Di dalam kes pendakwaan, melalui saksi pegawai serbuan SP1 di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada tarikh 22 Mac 2016 jam lebih kurang 12.25 tengahari, beliau telah membuat intipan dan seterusnya menyerbu masuk ke rumah tempat kejadian dan berjumpa dengan seorang perempuan, Puan Saadiah bt Ibrahim (SP5) iaitu ibu kepada OKT. Apabia ditanyakan tentang butir-butir Siti Noor Aishah bt Atam (No KP 870727-11-5386) — OKT, diberitahu oleh saksi (SP5), penama tersebut merupakan anak kandungnya dan sedang tidur di dalam bilik. Pegawai ini seterusnya telah memeriksa bilik tersebut dan mendapati OKT sedang tidur dan setelah digerakkan dan memperkenalkan diri sebagai polis, OKT telah ditangkap. Saksi SP1 seterusnya telah menjalankan pemeriksaan di dalam bilik tersebut dan menjumpai barang-barang kes seperti yang disenaraikan dalam borang

bongkaran (P5) seperti di atas iaitu (P9), (P10), (P11), (P12), (P13), (P14), (P15), (P16), (P17), (P18), (P19), (P20), (P21), (P22), (P23), (P24), (P25), (P26), (P27), (P28), (P29)(A), (B), (C), (D), (E), (P30), (P30A), (P31), (P32), (P33), (P34), (P35), (P36), (P37), (P38), (P39).

[19] Setelah rampasan dibuat, pegawai ini telah membawa barang-barang kes di atas bersama-sama dengan OKT dengan diiringi anggota-anggota STORM menuju ke Ibu Pejabat Polis Dungun. Apabila tiba di IPD Dungun, saksi ini telah membuat laporan polis seperti Dungun Report No 1693/16 (P8) bagi memaklumkan mengenai tangkapan dan rampasan yang dibuat. Selanjutnya SP1 telah membawa OKT dan barang-barang kes menuju ke Bukit Aman. Setibanya di Bukit Aman lebih kurang 6.30 petang, SP1 telah menyerahkan OKT dan semua barang-barang kes kepada pegawai penyiasat (SP6). Kedua-dua saksi, pegawai serbuan dan pegawai penyiasat kemudiannya telah menandatangani borang serah menyerah barang kes (P40) dan seterusnya membuat tandaan kepada barang-barang kes yang dirampas.

[20] Pegawai penyiasat (SP6) dalam keterangannya mengesahkan barang-barang kes seperti yang disenaraikan dalam dokumen (P40) telah diterima dan disimpan dengan selamatnya dalam kabinet almari yang berkunci yang dimilikinya seorang. Dalam isu ini, mahkamah ini mendapati bahawa tiada wujud sebarang kesenjangan dan sebarang kacau ganggu terhadap ekshibit-ekshibit tersebut terutamanya buku-buku yang dirampas di rumah tempat kejadian. Selanjutnya dalam semua barang-barang kes yang dirampas, sebanyak 12 buah buku-buku yang menjadi perkara utama dalam kertas pertuduhan telah dirujuk kepada tiga orang 'pakar' iaitu saksi-saksi (SP2), (SP9) dan (SP10). Buku-buku yang dirujuk adalah seperti berikut:

(P27) — VISI POLITIK GERAKAN JIHAD

(P20) — GENERASI KEDUA AL-QAIDAH (APA DAN SIAPA ZARQAWI, APA RENCANA MEREKA KE DEPAN)

(P37) — TENTERA SALIB SUDAH KEMBALI, AKANKAH SEJARAH TERULANG

(P24) — DEKLARASI DAULAH ISLAM IRAK

(P11) — MERETAS JALAN JIHAD FIE SABILILLAH

(P18) — FIKH PERGERAKAN (AKU WARISKAN UNTUK KALIAN)

(P26) — MISTERI PASUKAN PANJI HITAM

(P23) — TURKI NEGARA DUA WAJAH

(P21) — MASTER PLAN 2020: STRATEGI AL-QAIDAH MENJEBAK AMERIKA

(P32) — DARI USAMAH KEPADA PARA AKTIVIS

(P25) — DARI RAHIM IKHWANUL MUSLIMIN KE PANGKUAN AL-QAIDA

(P15) — KETIKA MASLAHAT DAKWAH DIPERTUHANKAN DAN MENJADI TAGHUT MODEL BARU

(P12) — SERI MATERI TAUHID

[21] Dalam meneliti keterangan-keterangan saksi-saksi pakar ini, adalah perlu untuk mahkamah ini menilai setiap daripada keterangan saksi-saksi ini. Saksi, Dr Wan Adli bin Wan Ramli (SP2) mengesahkan bahawa beliau telah dirujuk 12 buku-buku di atas dan diakui terima melalui dokumen (P41). Dalam tempoh lapan hari saksi ini telah membuat kajian dan semakan terhadap buku-buku tersebut dan kemudianya telah memulangkan semula buku-buku itu kepada pegawai penyiasat (SP6) pada 31 Ogos 2016. Semasa memberikan keterangan di mahkamah, saksi ini mengesahkan ada membuat laporan analisa beliau seperti (P42). *Adalah diperhatikan semasa saksi ini memberikan keterangan di mahkamah, beliau telah membacakan laporan yang dibuatnya tetapi tidak pernah dirujukkan apa-apa buku tersebut oleh timbalan pendakwa raya. Apa yang lebih menarik lagi adalah saksi ini juga tidak merujuk kepada apa-apa jua halaman ataupun menandakan bahagian-bahagian ataupun petikan-petikan yang terdapat di dalam buku-buku tersebut yang boleh dikaitkan dengan mana-mana kumpulan pengganas.* Mahkamah ini tidak ditunjukkan mana-mana bahagian atau cebisan-cebisan yang terdapat dalam buku-buku tersebut yang mempunyai apa-apa unsur-unsur pengganas. Dalam keadaan-keadaan yang sedemikian, keterangan saksi (SP2) tidak banyak membantu mahkamah ini bagi mengetahui bahagian-bahagian mana ataupun petikan-petikan mana yang mempunyai apa-apa kaitan dengan mana-mana kumpulan pengganas.

[22] Selanjutnya timbalan pendakwa raya telah memanggil saksi, Prof Rohan (SP9). Saksi ini merupakan seorang pensyarah bidang di Universiti Nanyang, Singapura. Beliau merupakan saksi pakar yang mempunyai kelayakan akademik mahupun pengalaman yang begitu luas dalam menganalisa buku-buku yang berkaitan dengan pengganas. Dalam keterangan beliau, saksi ini mengesahkan bahawa beliau telah dirujukkan 12 buah buku-buku seperti yang disenaraikan dalam borang penyerahan barang kes (P40). Sebaik sahaja saksi ini dirujukkan buku-buku tersebut oleh pegawai penyiasat, Insp Oi Tiat Siong (SP6), *beliau telah mengambil gambar-gambar bahagian muka depan dan belakang buku-buku tersebut termasuk catatan setiap bab yang terkandung.* Setelah itu beliau telah pulang ke Singapura dan dengan merujuk kepada *database* yang terdapat di Universiti tersebut, beliau telah membuat rumusan dan memberikan pandangan dan laporan bertulis (P45) mengenai setiap buku-buku tersebut. Keterangan saksi ini telah dicabar hebat

oleh kedua-dua peguam OKT, En Kamaruzzaman bin Abdul Wahab dan En Zukri bin Jusoh. Semasa soal balas dilakukan oleh peguam, saksi ini mengakui bahawa kesemua buku-buku tersebut adalah *ditulis dalam Bahasa Malaysia dan beliau tidak membaca buku-buku tersebut dalam Bahasa Malaysia database yang terdapat di Universiti Nanyang yang dirujuk oleh saksi ini merupakan catatan dalam Bahasa Inggeris.* Apa yang lebih menarik adalah saksi ini menyatakan bahawa buku-buku tersebut telah diterjemahkan oleh Ustaz Rizal dan beberapa penterjemah yang lain. Saksi ini akui bahawa kehadiran penterjemah-penterjemah ini adalah material dan penting bagi mengetahui sama ada mereka ini benar-benar mempunyai kelayakan dalam menterjemahkan buku-buku tersebut dan terjemahan mereka ini diterima oleh mahkamah. *Saksi ini secara bersungguh-sungguh telah menjemput pihak-pihak hakim, timbalan pendakwa raya dan peguam untuk meneliti dan menyemak kesahihan database dan kaitannya dengan buku-buku yang dirampas itu.* Dalam meneliti keterangan-keterangan saksi (SP9) ini, timbul beberapa persoalan-persoalan yang perlu dititikberatkan oleh mahkamah ini sebelum memutuskan sama ada keterangan dan laporan saksi ini boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah:

(a) saksi ini mengesahkan bahawa laporan pakar yang dibuatnya adalah berdasarkan kepada *database* yang terdapat di Universiti Nanyang yang dikatakan bersamaan dengan buku-buku yang dilihat dan diambil gambar semasa di Bukit Aman. Saksi ini secara bersungguh-sungguh menjemput semua pihak-pihak yang terlibat datang ke Universiti Nanyang, Singapura bagi melihat kesahihan rekod-rekod tersebut. Sungguhpun diajukan soalan-soalan dari pihak mahkamah kepada timbalan pendakwa raya mengenai cadangan ini, sikap acuh tidak acuh dan tidak serious timbalan pendakwa raya menikam kes pendakwaan sendiri. *Mahkamah ini ingin menegaskan bahawa penelitian dan semakan database ini amatlah relevan dan sangat penting bagi menentukan sama ada kandungan database tersebut bersamaan dengan kandungan yang terdapat di dalam buku-buku yang dirampas itu. Tambahan pula sama ada kandungan didalam database tersebut merupakan kandungan yang asal ataupun disunting setelah terjemahan dibuat tidak dapat dikenal pasti* melainkan mahkamah melihat sendiri perkara ini. Perlulah ditekankan disini bahawa mahkamah ini tidak boleh menganggap bahawa butir-butir dalam *database* tersebut mengandungi maklumat-maklumat yang tulis dan bersamaan kandungannya dengan kandungan buku-buku tersebut tanpa melihat sendiri ataupun melakukan lawatan ke *database* tersebut. Tanpa sebarang permohonan yang dibuat oleh timbalan pendakwa raya untuk melihat perkara ini dengan sebenarnya telah meletakkan mahkamah ini dalam situasi kekaburan dan seterusnya menjejaskan kes pendakwaan sendiri;

(b) saksi (SP9) mengakui bahawa buku-buku yang dirampas adalah di dalam Bahasa Malaysia. Saksi ini turut mengakui bahawa catatan di dalam

database tersebut adalah di dalam Bahasa Inggeris yang telah diterjemahkan. Saksi ini menyatakan beliau tidak boleh memberitahu nama-nama penterjemah kerana ianya melibatkan soal keselamatan mereka.

Walau bagaimanpun saksi ini (SP9) sekali lagi menyatakan bahawa pihak-pihak boleh menemuramah penterjemah-penterjemah ini sekiranya lawatan dibuat di Universiti Nanyang. Sungguhpun diperingatkan oleh mahkamah ini kepada timbalan pendakwa raya namun beliau mengambil sikap berdiam diri. *Pada hemat mahkamah ini, apalah ertinya dan nilai keterangan saksi ini tanpa diketahui status kewajaran penterjemah-penterjemah ini.* Mahkamah ini tidak boleh menganggap bahawa buku-buku tersebut telah diterjemahkan oleh penterjemah-penterjemah yang berkelayakan dan diterima sebagai keterangan yang menyakinkan di mahkamah. Mahkamah ini juga tidak menemui sebarang peruntukan yang membolehkan nama-nama penterjemah ini tidak boleh dikemukakan di mahkamah ini atas alasan kononnya soal keselamatan; dan

(c) saksi ini seterusnya menyatakan bahawa beliau telah mengambil gambar-gambar setiap buku-buku tersebut di bahagian depan dan belakang termasuk indeks muka surat bab-bab yang terkandung. *Namun di sepanjang perbicaraan berjalan, timbalan pendakwa raya tidak mengemukakan gambar-gambar buku-buku yang dirakam oleh saksi ini. Tanpa melihat kepada gambar-gambar tersebut dan dibandingkan dengan buku-buku yang dirampas termasuk* yang terkandung di dalam *database*, mahkamah ini tidak mengetahui sama ada buku-buku tersebut sebenarnya dikaji oleh saksi (SP9).

[23] *Dalam merumuskan keterangan saksi (SP9) dan keengganan timbalan pendakwa raya untuk mengemukakan buitiran-butiran lanjut mengenai kandungan database serta kegagalan timbalan pendakwa raya membawa pihak-pihak berkaitan dalam lawatan ke database Universiti Nanyang, mahkamah ini tidak mempunyai pilihan lain melainkan menggunakan peruntukan s 114(g) Akta Keterangan terhadap pihak pendakwaan yang mana pengemukaan perkara ini ke mahkamah semestinya menjejaskan kes pendakwaan.* Justeru itu, mahkamah ini mempersoalkan kesahihan keterangan-keterangan dan analisa-analisa yang dilakukan oleh saksi (SP9). Perlulah diambil kira oleh semua pihak-pihak yang terlibat bahawa mahkamah ini tidak mempertikaikan kepakaran saksi (SP9) dalam mengkaji buku-buku yang berkaitan dengan pengganas, tetapi dalam kes ini terutamanya butiran-butiran yang terdapat dalam *database* yang dipersoalkan oleh pihak peguam, malahan turut menimbulkan tanda tanya kepada mahkamah ini, kegagalan timbalan pendakwa raya untuk menjelaskan perkara-perkara yang tersebut di atas, mahkamah ini tiada mempunyai pilihan lain melainkan menolak keterangan

saksi (SP9) mengenai kandungan yang terdapat dalam buku-buku tersebut dan laporan (P45).

Dalam kes *Kobra Taba Seidali v Public Prosecutor* [2014] 2 MLJ 554; [2014] 2 CLJ 12, mahkamah mengatakan:

> ... if the witness could not be produced by the prosecution, it would be appropriate for the prosecution to handover the s 112 statement recorded from the witness to whittle down any complaint by the defence to invoke s 114(g) of the Evidence Act 1950 as in instant case. *The failure of the prosecution to produce Maryam as a witness or hand over a copy of the witness statement to the defence to be used if it was favaourable as part of the defence exhibit at the defence stage was fatal ...*

[24] Demi menyelamatkan isu ini, timbalan pendakwa raya telah memanggil saksi, Ustaz Hj Zamihan bin Hj Mat Zin (SP10). Saksi ini merupakan Pengerusi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman luas dalam soal-soal yang membabitkan pengganas. Saksi ini mengesahkan bahawa beliau telah menerima 12 buah buku daripada pegawai penyiasat dan telah menandatangani dokumen akuan terima barang kes ('P46'). Saksi ini mengambil masa seminggu untuk menganalisa buku-buku tersebut dan kemudiannya telah mengembalikan semula buku-buku tersebut kepada pegawai penyiasat kes. Semasa memberikan keterangan di mahkamah, saksi ini turut mengemukakan laporan analisa yang dibuat (P52(1)–12)). Apa yang menarik dalam keterangan saksi ini turut menandakan bahagian-bahagian yang relevan dalam mencapai keputusan yang dibuatnya. Saksi ini turut mengemukakan alasan-alasan yang munasabah bagi mencapai keputusan analisa yang dibuat itu. Saksi ini menegaskan bahawa buku-buku tersebut mempunyai kaitannya dengan Gerakan Al-Qaeda, ISIS, Daesh dan Jemaah Islamiah.

[25] Kesimpulan daripada keterangan saksi (SP10), *mahkamah ini berpuas hati bahawa 12 buah buku-buku yang dirampas dan di analisa oleh saksi ini dan berdasarkan kepada petikan-petikan yang ditunjukkan oleh saksi ini serta disahkan melalui laporan analisa (P52(1)–(12)), buku-buku tersebut sememangnya mempunyai kaitannya dengan kumpulan-kumpulan pengganas, Gerakan Al-Qaeda, ISIS, Daesh dan Jemaah Islamiah.*

Isu ketiga

Pemilikan buku-buku?

Siapa memiliki buku-buku tersebut?

Adakah buku-buku tersebut kepunyaan OKT?

Pemilikan: Kawalan dan jagaan terhadap buku-buku dan items

[26] Adalah menjadi teras undang-undang bahawa pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen perundangan ini sebelum OKT dipanggil untuk membela diri. Di dalam kes-kes SOSMA seperti ini, catatan pemilikan tidak ditakrifkan maknanya, tetapi mahkamah ini mengambil pendekatan bahawa unsur-unsur pembuktian mengenai pemilikan 12 buah buku-buku seperti dalam kes ini adalah bersamaan juga pembuktian kes pemilikan dadah-dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Sesungguhnya mahkamah ini berpendapat bahawa konsep pemilikan *(possession),* kawalan dan jagaan *(custody and control)* menurut s 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan adalah bersamaan dengan peruntukan s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Cuma yang sedikit berbeza adalah dalam kes-kes dadah, isu mengenai pengetahuan dan berat timbangan dadah, pihak pendakwaan boleh menggunakan anggapan statutori menurut s 37 Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi memutuskan sama ada kes tersebut merupakan suatu kes pengedaran dadah ataupun hanya suatu kes pemilikan dadah berbahaya. Bagi maksud ini, mahkamah ini ingin merujuk kepada kes *Toh Ah Loh and Mak Thim v Rex* [1949] 15 MLJ 54; [1948] 1 MLRH 143 (MR) dan kes *Saad Ibrahim v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 158; [1967] 1 MLRH 198; dan diulang kuatkuasa dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393 di ms 402; [2005] 2 MLRA 590; [2006] 1 CLJ 457 di ms 469; [2005] 6 AMR 203 (MP), Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa:

> Possession, in order to incriminate a person, must have the following characteristic. *The possessor must know the nature of the thing possessed*, *must have in him power of disposal over the thing*. If these factors are absent, his possession can raise no presumption of mens rea without which (except by statute) possession cannot be criminal ...

[27] Dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237; [1956] 1 MLRH 44, mahkamah telah memutuskan:

> 'Possesion' itself as regards the criminal law is described as follows in Stephen's Digest (91st Ed, p 304):
>
> > A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that *he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other* persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.
>
> To put it otherwise, *there is physical element and a mental element which must both be present before possession is made out*. The acused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some animus possiendi. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by

inference from the surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case.

If a watch is my pocket then in the absence of anthing else the inference will be clear that I intend to deal with is as if it were my own and accordingly I am in possession of it. I am in possession of it. On the other hand, if it is lying on a table in a room in which I am but which is also frequently used by other people then the mere fact that I am in physical proximity to it does not give rise to the inference that I intend to deal with it as if it belonged to me. There must be some evidence that I am doing of having done something with it that shows such an intention. Or it must be clear that the circumstances in which it is found shew such an intention. It may be found in a locked room to which I hold the key or it may be found in a drawer mixed up with my own belongings or it may be found, as occurred in a recent case, in abox under my bed. The possible circumstances cannot be set out exhaustively and it is impossible to lay down any general rule ont the point. But there must be something in the evidence to satisfy the Court that the person who is physically in a position to deal with the thing as his own had the intention of doing so. It is true that in prosecutions under the Dangerous Drugs Ordinance a lack of evidence in this connection may be made good by the statutory presumptions contained in that Ordinance. But there are so no such presumptions in the Common Gaming Houses Ordinance nor are there any such presumptions in relation to possession of stolen property.

Once possession is proved then before the accused person can be convicted it is necessary in addition to prove mens rea. And for this purpose was pointed out by *Gording-Smith Ag CJ* in the case of *Toh Ah Loh and Mak Thim v Rex* [1949] 1 MLJ 54; [1948] 1 MLRH 143; *Koay Ban Siew v Public Prosecutor* [1948] 1 MLJ 54, it is necessary to prove that the person in possessed (p 239).

'Possession, in order to incriminate a person, must have the following characteristics. *The possessor must know the nature of the thing possessed,* must have in him a *power of disposal* over the thing, and lastly *must be conscious of his possession of the thing*. If these factors are absent, his possession can raise no presumption of mens rea, without which (except by statue) possession cannot be criminal'.

[28] Dalam kes *Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585; [1987] 2 MLRH 541, Lim Beng Choon J memutuskan:

... I believe it is well settled at least by our courts that to establish possession by an accused person of any dangerous drugs or to impute to him possession of the said drugs it mus be first to shown that he had *knowledge of the drugs* which were found to be in his possession. The earliest authority, which I could find, that expounded this principle is the case of *Chiah Tian v Rex* [1937] 1 MLJ 105; [1937] 1 MLRH 455 the then Chief Justice of Singapore said at p 106:

> 'In my opinion, possession to be an offence must be possession under such circumstances that a court it justified in finding the accused (or the servant in cases of constructive possession). As Pollock C.B. put it The Queen v Wooddrow 16 LJMC 122,' a man can hardly be said to be in possession of anything without knowing it' and I think that a person is not guilty of an offence possession if he is not aware of the possession'.

[29] Dalam kes *Fun Seong Cheng v Public Prosecutor* [1997] 3 SLR 523, Mahkamah Rayuan Singapura:

> ... Clearly in order to prove that the appellant was in possession, *he must have physical control over the drugs*. It is a matter of fact whether someone had physical control over an item....Physical control is not enough for the purpose of proving possession. There needs to be *mens rea on the part of the accused.*

[30] Dalam kes *Public Prosecutor v Muhammad Nasir bin Shaharuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576; [1992] 2 MLRH 390; [1992] 3 CLJ 408, Visu Sinnadurai J memutuskan berkaitan dengan 'possession' seperti berikut:

> Possession is not defined in the DDA. However it is now firmly established that to constitute possession, it is necessary to establish that; *(a) the person had knowledge of the drugs; and (b) that the person had some form of control or custody of the drugs.*

[31] Dalam kes *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] 1 MLJ 28; [1955] 1 MLRH 614, Taylor J menyatakan:

> There is no presumption of custody ... Unless custody was established, the chain of reasoning is broken. Custody means having care or guardianship; goods in custody are in the care of the custodian and, by necessary implication, he is taking care of them on behalf of someone else. You cannot take care of goods unless you know where they are and have the means of exercising control over them. Custody therefore implies knowledge of the existence and whereabouts of the goods and the power of control over them, not amounting to possession. The prosecution must therefore prove that the appellant and his wife had custody or control of the drugs. To do this, the presecution must establish a common intention between the appellant and his wife. The case against the appellant cannot succeed unless there is evidence of such common intention or evidence from which such common intention can properly be inferred.

[32] Dalam kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 1 MLRH 764; [2000] 4 CLJ 649, Augustine Paul J (pada masa itu) memutuskan:

> It must be observed that most of the acts that constitute as defined in s 2 of the Act like, for example, keeping, concealing, storing, transporting, and carrying dangerous drugs *involve the prerequisite element of possession ... It follows that a person cannot keep, conceal, store, transport, or carry dangerous drugs within the meaning of trafficking in the Act without being in the possession of them.*

[33] Dalam kes *Public Prosecutor v Hairul Din bin Zainal Abidin* [2001] 6 MLJ 146; [2001] 2 MLRH 710; [2001] 6 CLJ 480; [2002] AMR 2515, Augustine Paul J (pada masa itu) memutuskan:

> I agree with learned councel that the acts that constitute trafficking as enumerated in s 2 of the Act refer to *some overt act that goes beyond mere passive possession* ... Thus in order for any act to come within the definition in s 2 of the Act it must be limited

to the context of the scope of the acts enumerated in the definition section, that is to say, it must relate to *an overt act which goes passive possession.*

[34] Lord Diplock dalam kes *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 MLRA 283, dalam keputusan Privy Council telah memberi penerangan definisi pengedaran (*trafficking*) di bawah Misuse of Drugs Act 1973 of Singapore:

> To 'traffic' in a controlled drug so as to constitute the offence of trafficking under s 3 involves *something more than passive possession* or self-administration of the drug; it involves doing or offering to do an overt act of one or other of the kinds specified in paragraph (a) ot the definition of 'traffic' and 'trafficking' in s 2 ... This concept, involving *transfer of possession*, is reflected in the statutory definition itself ... All of these other verbs refer to various ways in which a supplier or distributor, who has drugs in his possession, may *transfer possession of them to some other person.*

[35] Bagi membuktikan isu ini, timbalan pendakwa raya telah memanggil saksi pegawai serbuan, Insp Shafinah (SP1). Saksi ini mengesahkan bahawa kesemua 12 buah buku-buku tersebut ditemui di dalam bilik tempat OKT tidur. Buku-buku tersebut berserta dengan lain-lain barang rampasan telah dibawa balik ke IPD Dungun dan seterusnya ke Bukit Aman untuk siasatan lanjut. Saksi ini mengakui bahawa rumah tersebut tiada mempunyai pintu dan hanya ditutup dengan kain langsir. Semasa disoal balas peguam, saksi ini mengakui bahawa rumah tersebut adalah luas dan boleh diakses kepada sesiapa sahaja yang bertandang ataupun mendiami rumah tersebut. Diakui oleh pegawai ini, bahawa buku-buku tersebut tiada mempunyai sebarang nama dan tiada pengesahan catitan tangan di buku tersebut kepunyaan siapa. Buku-buku tersebut tidak disorok dan boleh dilihat oleh sesiapa sahaja. Lanjutan daripada ini, timbalan pendakwa raya memanggil Puan Saadiah bt Ibrahim (SP5) iaitu ibu kepada OKT. Dalam keterangan saksi ini, beliau mengesahkan bahawa rumah itu turut didiami oleh anak-anaknya yang bernama Ahmad Anuari bin Attam, Ahmad Faruqi Amri bin Attam, Ahmad Amir Farhan bin Attam dan Ahmad Abu Muhaimi bin Attam. Selanjutnya saksi ini menyatakan bahawa dalam kebanyakan masa, anaknya Ahmad Anuari tinggal di rumah tersebut, manakala yang lainnya, Ahmad Faruqi bekerja dan tinggal di Senawang, anaknya Ahmad Amir Farhan bekerja sebagai juruteknik dan tinggal di Kelang sementara Ahmad Abu Muhaimi belajar di IAB Kuantan. Saksi ini mengesahkan juga bahawa sesiapa sahaja mempunyai akses kepada rumah dan bilik tersebut dan boleh digunakan untuk menyempurnakan ibadah sembahyang. Buku-buku yang terdapat di dalam bilik tersebut bukan sahaja untuk OKT malah boleh digunakan oleh adik beradik yang lain.

Pemeriksaan Utama

Q: Boleh beritahu siapa yang tinggal di rumah tersebut?

A: Anak saya yang kedua, Ahmad Anuari tinggal di rumah. Yang lain tidak tinggal di situ kerana belajar dan bekerja. Yang bekerja adalah Ahmad Faruqi dan Amir Farhan

Q: Anak-anak yang lain, Anuari duduk di mana?

A: Dia duduk di bahagian luar dan bekerja di Paka

Q: Ahmad Muhaimi macam mana?

A: Dia balik masa cuti

Q: Rujuk (P6)

A: Ini gambar-gambar rumah saya. Gambar No. (19) dalam bilik OKT. Gambar (20) juga dalam bilik OKT. Gambar (21), (22), (23) dan (24). Laptop milek adik OKT yang bernama Ahmad Amir Farhan

Pemeriksaan Balas

Q: Rujuk gambar (P6) gambar 8?

A: Buku-buku itu semuanya kepunyaaan anak-anak saya yang belajar

Q: gambar No. 11 dan buku milek siapa?

A: Milek Ahmad Muhaimin punya

Q: Dalam bilik OKT ada banyak buku-buku. Bukan buku OKT seorang sahaja yang ada dalam bilik itu?

A: Ya

Q: bilik OKT tiada pintu. Siapa yang boleh masuk?

A: Semua orang boleh masuk. Dan tetamu juga boleh masuk untuk sembahyang

Q: Rumah itu hanya ada satu bilik saja dan barang-barang simpan di mana?

A: Dalam bilik ini juga boleh simpan barang-barang

[36] Meneliti kepada keterangan saksi (SP5), adalah *didapati buku-buku yang didapati di dalam bilik tersebut juga kepunyaan anak-anak (SP5) yang masih belajar iaitu Ahmad Abu Muhaimi yang juga terdapat sebuah computer miliknya dalam bilik tersebut.* Dalam bilik itu juga terdapat buku-buku milik adik beradik OKT tetapi tidak dinamakan kepunyaan siapa. Dalam keadaan lain juga bilik tersebut boleh digunakan oleh tetamu-tetamu yang ingin menunaikan ibadah sembahyang. Saksi ini memberikan keterangan yang sama dengan keterangan pegawai serbuan *SP1 bahawa buku-buku tersebut ditemui tidak dalam keadaan tersorok dan boleh dilihat oleh mana-mana orang yang memasuki bilik tersebut. Adalah menjadi pandangan kepada mahkamah ini bahawa rumah tersebut termasuk bilik tempat kejadian ini merupakan suatu tempat yang bebas dan boleh diakses oleh pihak-pihak yang lain. Pada hemat mahkamah ini, sekurang-kurangnya penama Ahmad Anuari yang sering tinggal di rumah tersebut, Ahmad Abu Muhaimi yang masih belajar dan juga berkemungkiknan menyimpan buku-bukunya di dalam bilik tersebut dan mempunyai komputer miliknya yang terdapat dalam bilik* tersebut termasuk bapa OKT Attam bin Jusoh mempunyai akses dan juga kemungkinan kepada

buku-buku yang terdapat dalam bilik tersebut. Walaubagaimanapun penama-penama ini dan lain-lain penghuni di dalam rumah tersebut tidak dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah ini sama ada untuk mengesahkan buku-buku tersebut ataupun sekadar menafikan buku-buku tersebut adalah kepunyaan mereka. Apalah ertinya isu ini dibiarkan terbuka sahaja oleh pihak timbalan pendakwa raya tanpa ditutup rapi oleh pihak pendakwaan. Dalam hal yang sedemikian, timbul suatu jurang yang besar dan keraguan tentang siapakah yang sebenarnya memiliki buku-buku tersebut?

[37] Apa yang lebih menarik, di dalam keterangan saksi *(SP10) mengesahkan bahawa 12 buku-buku tersebut masih tidak lagi diharamkan penerbitannya.* Sekiranya buku-buku tersebut mempunyai kaitan ataupun mengandungi unsur-unsur pengganas, mengapakah pihak Kementerian Dalam Negeri sebagai agensi yang berkaitan dalam perihal ini tidak mengharamkan sahaja buku-buku tersebut untuk pembacaan mahupun pemilikan umum. *Apalah ertinya pemilikan buku-buku tersebut yang dikatakan mempunyai kaitan dan unsur-unsur pengganas menjadi suatu kesalahan keatas sesiapa yang memiliki buku-buku tersebut, walhal pihak Kementerian Dalam Negeri gagal menjalankan fungsi sebenarnya untuk mengharamkan dan seterusnya menghapuskan buku-buku tersebut.* Tanpa tindakan tegas pihak Kementerian Dalam Negeri untuk membendung gejala ini, buku-buku tersebut masih lagi berleluasa di pasaran dan boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja sama ada untuk pembacaan umum ataupun sebab-sebab yang lain. Pada fikiran mahkamah ini kegagalan pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengharamkan buku-buku tersebut tidak sealiran dan tidak konsisten dengan menjadi pemilikan buku-buku tersebut suatu kesalahan menurut s 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan.

[38] Dalam keadaan yang sangat terdesak, timbalan pendakwa raya telah cuba untuk mendapatkan keterangan (SP1 – pegawai serbuan/tangkap) tentang pengakuan OKT bahawa barang-barang dalam bilik tersebut adalah miliknya. DPP berhujah bahawa mahkamah ini perlulah membuat suatu 'Revisit Ruling' dan menghujahkan mengenai peruntukan s 18A Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ('SOSMA 2012'). Seksyen 18 SOSMA 2012 telah memperuntukan bahawa:

> Statement by accused
>
> 18A Any statement by an accused whether orally or in writing to any person at any time shall be admissible in evidence.

Timbalan pendakwa raya juga menghujahkan bahawa peruntukan spesifik di bawah SOSMA 2012 ini telah mengatasi mana-mana undang-undang am yang lain termasuk Akta Keterangan dan Kanun Tatacara Jenayah. Dalam hal ini s 17 SOSMA 2012 memperuntukkan:

Inconsistency with the Evidence Act 1950

17 This Part shall have effect notwithstanding anything incocsistent with the Evidence Act 1950 (Act 56).

Selanjutnya timbalan pendakwa raya juga menghujahkan bahawa memandangkan perbicaraan ini dijalankan menurut SOSMA 2012 dan siasatan juga menurut SOSMA 2012, oleh yang demikian keterangan yang dikemukakan menggunakan prosedur SOSMA 2012 hendaklah diterima oleh mahkamah ini.

Menurut hemat mahkamah ini, peruntukan di atas mengecualikan aspek prosedural di bawah Akta Keterangan mahupun Kanun Prosedur Jenayah bagi maksud apa-apa jua perbuatan ataupun pernyataan OKT sama ada secara lisan ataupun bertulis yang boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah. Dalam hal ini, tiada satupun dokumen ataupun suratan bertulis yang dibuat oleh saksi SP1. Adalah didapati bahawa SP1 merupakan satu-satunya saksi pendakwaan yang dikatakan mendengar pengakuan OKT bahawa buku-buku tersebut adalah miliknya. Saksi (SP6) hanyalah mengulangi akan apa yang dikatakan oleh saksi SP1 kepadanya. Dalam hal ini juga, mahkamah ini tidak mendapati apa-apa dokumen ataupun report polis yang boleh mengesahkan pernyataan lisan yang dikatakan dibuat oleh OKT. *Pada hemat mahkamah ini, sekiranya benar keterangan saksi SP1 bahawa OKT ada memberitahunya tentang pemilikan buku-buku tersebut dan keterangan ini sangat relevan dan penting, mengapakah tiada satu pun dokumen ataupun catatan report polis dibuat kearah perkara ini.* Apakah kewajaran keterangan hanya seorang pegawai polis sahaja yang melaksanakan tangkapan tersebut menyatakan sedemikian tanpa satupun dokumen-dokumen atau saksi-saksi lain yang berada pada masa itu untuk tampil menyatakan sedemikian dan mendengar pengakuan tersebut. Pada hemat mahkamah ini, apalah ertinya timbalan pendakwa raya mengemukakan pengakuan OKT tentang buku-buku tersebut tanpa pembuktian sebenar menurut undang-undang mengenai pemilikan, kawalan, jagaan dan pengetahuan OKT. Di atas alasan-alasan ini, sungguhpun mahkamah ini akur dengan peruntukan ss 17 dan 18 SOSMA 2012, tetapi dengan ketiadaan sebarang catatan dan hanya timbul di saat-saat yang akhir keterangan SP1, mahkamah ini tidak membenarkan timbalan pendakwa raya meneruskan apa-apa jua persoalan mengenai isu ini.

Sungguhpun dikatakan mahkamah ini khilaf mengenai peruntukan ss 17 dan 18 SOSMA 2012 apabila tidak membenarkan timbalan pendakwa raya mengemukakan soalan kepada saksi SP1, tetapi mahkamah ini melihat dari sudut yang lain bahawa sekiranya benar pengakuan ini diucapkan oleh OKT kepada saksi SP1 bahawa hanya barang-barang OKT sahaja yang berada di dalam bilik tempat kejadian kerana OKT merupakan satu-satunya anak perempuan, adakah ianya juga merujuk kepada buku-buku yang dirampas oleh pihak polis? *Mahkamah ini berpendapat bahawa sungguhpun boleh diterima jika barang-barang tersebut termasuk buku-buku, tetapi ianya tidak*

mencukupi untuk membuktikan elemen pemilikan, kawalan dan jagaan semata-mata bersandarkan kepada pengakuan OKT, jika ada pun. Apatah lagi rumah itu adalah kawasan yang bebas dan accessible kepada pihak-pihak yang lain. Justeru itu mahkamah ini menolak keterangan ini dikemukakan di mahkamah ini. Walaubagaimanapun, *sekiranya dibenarkan keterangan ini dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan pembuktian pihak pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa hanya dengan pengakuan OKT sahaja tanpa keterangan-keterangan lain, mengenai pemilikan buku-buku tersebut, ianya tidak dapat menyakinkan mahkamah ini untuk membuktikan elemen pemilikan dan seterusnya memanggil OKT untuk membela diri* apatah lagi mensabitkan kesalahan terhadap OKT menurut s 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan.

[39] Dalam keadaan-keadaan yang lain, adalah didapati pada masa serbuan dibuat dan ditemukan dengan buku-buku yang dirampas, adalah didapati kesemua buku-buku tersebut dalam keadaan yang jelas dilihat oleh mana-mana pihak. Semasa OKT ditangkap oleh pegawai serbuan, tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan OKT takut dan cuba untuk melarikan dirinya. OKT dengan rela hati membiarkan dirinya ditahan oleh pihak polis. Pada pandangan mahkamah ini, *tata kelakuan OKT pada masa ditangkap adalah konsisten dengan sikap ketidakbersalahannya dan tidak mengetahui keujudan buku-buku tersebut mahupun mengetahui buku-buku tersebut mempunyai kaitannya dengan unsur-unsur kumpulan pengganas.* Dalam kes *Public Prosecutor v Tan Tatt Eek & other appeals* [2005] 2 MLJ 685; [2005] 1 MLRA 58 (MP), mahkamah memutuskan bahawa:

> ... Conduct of accused reflect several inferences and inferences favourable to OKT should be drawn ...

Dalam kes: *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1; [1993] 1 MLRA 416; [1993] 4 CLJ 1 (MA), yang diambil kira dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393 di ms 405; [2006] 1 CLJ 457 di ms 474, mahkamah menyatakan bahawa:

> ... Conduct of accused reflect several inferences and inferences favourable to OKT should be drawn ...
>
> ... not by itself proof of a guilty mind ...

[40] Dalam situasi ini, adalah menjadi pendapat mahkamah ini bahawa rumah tersebut termasuk juga bilik di mana terdapat 12 buah buku-buku tersebut merupakan tempat yang bebas dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja yang berada di dalam rumah tersebut. Apatah lagi suatu computer kepunyaan adik OKT jelas menunjukkan bilik tersebut senang dan boleh diakses oleh mana-mana orang. Justeru menjadi tugas dan kewajipan pihak pendakwaan untuk membuktikan bahawa 12 buah buku-buku tersebut kepunyaan OKT ataupun orang lain ataupun mengecualikan orang lain yang mempunyai akses kepada buku-buku tersebut. Sekiranya wujud dua inferens yang berbeza, maka

inferensi yang terbaik perlulah dibuat kepada OKT. Dalam kes *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1 (MA), mahkamah menyatakan:

> ... the onus was not on the defence to prove possibility of access by others but on *the prosecution to exclude such possibility* ...

[41] Begitu juga dalam kes *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948-1949] supp MLJ 105b; [1948] 1 MLRA 241, mahkamah menegaskan bahawa:

> ... where there is more than one inference which can reasonably be drawn from a set of facts in a criminal case, we are of opinion that the *inference most favourable to the accused should be adopted* ...

[42] Persoalan-persoalan ini sepatutnya disiasat oleh pihak polis, tetapi ternyata gagal dijawab oleh pihak pendakwaan. Dalam kes *Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137; [1991] 1 MLRA 608; [1992] 1 CLJ 265:

> ... the Supreme Court found that the trial court was manifestly wrong to have concluded that the appellant had exclusive possession when there was *three others sharing accommodation with the appellant in which the drugs were found* ...

[43] Dalam kes *Saludin bin Surif v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 317; [1997] 1 MLRA 348; [1997] 3 CLJ 529; [1997] 3 AMR 2867, Shaik Daud Ismail JCA memutuskan seperti berikut:

> ... that the appellant had failed to prove beyond any reasonable doubt that the appellant had exclusive possession of the cannabis found in the room in question *given the fact the others, too, had acces to the room in question* ...

[44] Begitu juga dalam kes *Lee Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 322; [1992] 1 MLRA 209; [1992] 1 CLJ 168 salah satu isu yang diperdebatkan adalah pihak perayu tiada mempunyai pemilikan dan penggunaan yang esklusif terhadap bilik tersebut dimana dadah-dadah ditemui ...

> ... The Supreme Court in setting aside the conviction found that a reasonable doubt existed as to the exclusive use of the said room by the appellant, given the fact that there was *doubt that the room cound be locked and the others could have access to his room in question* ...

[45] Dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137; [1993] 1 MLRA 227; [1993] 3 CLJ 1; [1993] 2 AMR 1135:

> ... the appellant's defence was that he had no exclusive use of the room in which the drugs were found as his girlfriend and her friends too had acess to the room .In acquitting the appellant, the Supreme court, after viewing, the whole of the advidence from all angles, held that this was a case in which the proverbial cap might

have fitted not just the head of the appellant but that *of others as well as they could have access to the room ...*

[46] Pihak pendakwaan gagal untuk menjelaskan kesenjangan yang berlaku dalam siasatan polis. Justeru itu, untuk *mahkamah ini mendapati bahawa buku-buku tersebut berkemungkinan milik orang lain selain dari OKT tidak boleh diketepikan (cannot be ruled out).*

ISU KEEMPAT

Tempat kejadian ... tiada bukti atau dokumen bahawa tempat kejadian itu adalah seperti di dalam kertas pertuduhan

[47] Di dalam kertas pertuduhan, adalah didapati bahawa kejadian yang berlaku dikatakan beralamat di Lot 1241, Jalan Lapangan Terbang Sura, Dungun, Terengganu.

Sungguhpun isu ini dianggap remeh oleh pihak-pihak, *tetapi pada pihak mahkamah ini, tiada terdapat satupun dokumen-dokumen mahupun keterangan-keterangan oleh mana-mana saksi pendakwaan yang menjurus kepada kejadian ini berlaku seperti di alamat dalam kertas pertuduhan.* Sekiranya benar kejadian ini seperti di alamat tersebut, sekurang-kurangnya apa-apa jua bil letrik ataupun bil air ataupun mana-mana dokumen lain seperti geran dikemukakan di mahkamah bagi menentusahkan kejadian di alamat tersebut. Sama ada rumah seperti di dalam gambar-gambar (P6) merupakan rumah kedua-dua ibubapa OKT tiada diketahui. Sama ada mereka menumpang rumah sesiapa juga tidak diketahui. Mahkamah ini tidak boleh mengambil kira dengan menganggap bahawa kejadian tersebut berlaku seperti dalam kertas pertuduhan. *Justeru itu, mahkamah ini berada di dalam kekaburan sama ada kejadian tersebut berlaku di alamat seperti dalam kertas pertuduhan.* Kegagalan timbalan pendakwa raya untuk mengakaskan isu ini pada mahkamah ini akan semestinya melebarkan keraguan yang timbul dalam kes pendakwaan.

KEPUTUSAN AKHIR MAHKAMAH

[48] Di penghujung kes pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa kes pendakwaan telah dipatahkan dengan sendirinya melalui keterangan saksi pihak pendakwaan (SP5) jelas menafikan kes pendakwaan terhadap penglibatan OKT dalam memiliki 12 buah buku-buku yang mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas. Dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Noor bin Jantan* [1979] 2 MLJ 289; [1979] 1 MLRA 375:

> It is well settled ... the burden is placed on an accused person to prove anything ... the burden is only a slight one and this burden can be discharged by the evidence of a witnesses for the prosecution as well as witnesses for the defence.

[49] Dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 di ms 17; [1971] 1 MLRH 1 MRLH 91, mahkamah ini menegaskan bahawa:

> ... a conviction cannot be sustained even if the court is satisfied that the prosecution story 'may be' true unless and until it is found that the prosecution story 'must be true' ... the falsity of the defence does not relieve the prosecution from proving the prosecution case beyond reasonable doubt ...

[50] Dalam mengingati dan mempertimbangkan fakta-fakta dalam kes pendakwaan, mahkamah ini mengingati diri sendiri kepada prinsip-prinsip yang disenaraikan dahulu dalam kes: *Krishnan Murthy v Pendakwa Raya* [1987] 1 MLJ 292 di ms 295–296; [1986] 1 MLRA 239; [1987] CLJ Rep 145 (MA):

> ... it is one of the most basic rule of justice that however heineous a crime person is accused of, whatever the rank of the person who testifies against him, he can only be convicted on evidence produced according to the stringent requirement of law ... but it does not mean that a person accused of the most serious crime to equal protection before the law ... is *that his guilt must be proved in accordance with or in a manner required by law. Anything less will be not enough* ...

[51] Dalam menilai beberapa isu-isu di atas, mahkamah ini telah merujuk kepada kes *Choo Chang Teik & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 423; [1991] 1 MLRA 280; [1991] 1 CLJ 54:

> ... although it is unfortunate that a guilty party cannot be brought to justice, it is *more important that there should not be a miscarriage of justice* and the law should be maintained that the prosecution shouldprove its case ...

[52] Justeru itu, mahkamah ini mendapati akibat daripada kelonggaran-kelonggaran dalam membuktikan pertuduhan dan percanggahan-percanggahan yang wujud di antara keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan, pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan suatu kes prima facie terhadap OKT. Justeru itu mahkamah ini melepaskan dan membebaskan OKT di atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya dengan kadar serta merta.

Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama setelah mempertimbangkan segala sudut prinsip undang-undang yang berkaitan dan alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas. Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada DPP dan pihak-pihak terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan dengan kadar serta merta.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar